



Jumaat, 30 Oktober 2015  
SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN  
SIARAN AKHBAR

Kepada Pelanggan-pelanggan SAINS yang dihormati,

**PENUTUPAN SEMENTARA BEKALAN AIR BERJADUAL DI SEBAHAGIAN KAWASAN SEREMBAN BERIKUTAN KERJA-KERJA PENGALIHAN PAIP PADA 3 NOVEMBER 2015**

Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn. Bhd. (SAINS) ingin memaklumkan kepada semua pelanggan kami bahawa SAINS akan melaksanakan penutupan sementara bekalan air yang dijangka akan mengakibatkan gangguan bagi beberapa kawasan di daerah Seremban seperti yang dinyatakan di bawah. Maklumat penutupan adalah seperti berikut:

**Tarikh :** 3 November 2015 (Selasa)  
**Masa :** 10.00 pagi (3 Nov 2015) – 10.00 pagi (4 Nov 2015)

Maklumat Kerja	Kawasan Terlibat	Langkah Kontigensi
<b>Lokasi:</b> Persimpangan Jalan Labu – Seremban (Projek Temokin Villa-Jelas)  <b>Jenis kerja:</b> Pengalihan paip bersaiz 600mm	Seluruh kawasan Seremban 2 & S2 Heights, Oakland, Rasah Kemayan, Tmn. Mantau Indah, Seremban Sentral, Terminal 2, Jln. Labu Batu 1-Batu 4, Tmn. Bukit Kristal, Tmn. Jasper Jaya, Tmn. Galena, Tmn. Sri Pulasan, Tmn. Mutiara Galla, Pasar Bukit Kepayang, Kg. Tengah Labu, Kg. Kering Labu, Kg. Pelegong Labu, Kg. Tekir Labu, R&R Arah Utara & Selatan (PLUS)	Penghantaran lori tangki
<b>Lokasi:</b> Taman Permai  <b>Jenis kerja:</b> Pengalihan paip bersaiz 500mm	Seluruh Tmn. Permai, Tmn. Kelisa, Tmn. Duyong	

- **Langkah Kontigensi akan dilaksanakan sekiranya gangguan melebihi 24 jam (selepas tempoh penutupan).**

Bekalan air akan disambungkan semula selepas waktu yang dinyatakan dan dijangka pulih secara berperingkat. Walaubagaimanapun, beberapa kawasan tinggi dijangka akan mengalami tempoh pembaikan yang lebih lama.

Untuk makluman, kerja-kerja ini merupakan antara usaha berterusan SAINS dalam menambah baik dan meningkatkan mutu bekalan air demi kepentingan para pelanggan pada masa hadapan.

Para pelanggan yang memerlukan bantuan boleh menghubungi kami dialian bebas tol **1-800-88-6982** untuk mendapatkan sebarang bantuan lanjut.

**-TAMAT-**

Sebarang pertanyaan, sila hubungi :

**Norzita Bt Ismail**  
Ketua Bahagian Perhubungan Awam  
Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn. Bhd.